



Nur Syuhada (depan, kanan) bersama barisan ahli jawatan program.



Mahasiswa beramai-ramai mesra dengan murid Orang Asli SK Seri Sedohok.

Dedah kerja sukarelawan

Mahasiswa UTHM santuni 30 murid Orang Asli SK Seri Sedohok

JULIZA MOHD SAAD

Seramai 30 mahasiswa Kursus Kokurikulum Khidmat Masyarakat, Pejabat Pengajaran Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mengajurkan program khidmat masyarakat bersama murid Orang Asli di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Sedohok, Kahang.

Menerusi program Ikatan Ukhwah Mahasiswa bersama Orang Asli yang diadakan selama dua hari bermula 16 hingga 17 November itu bertujuan memberi pendekaran kepada penuntut dalam kursus kokurikulum berkredit Kursus Khidmat Masyarakat Seksyen 2.

Timbalan Pengarah Projek, Nor Syuhada Abdul Hamid berkata, program yang dianjurkan itu mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari kepada 30 murid SK Seri Sedohok.

Menurutnya, program ini juga dapat memupuk kesedaran kepada mahasiswa bahawa peranan mereka bukan sekadar di sekitar ruang lingkup kuliah malahan sebagai agen penggerak masyarakat dalam kerja-kerja kesukarelawanan.

"Selain itu, melalui program ini mahasiswa dapat mengasah kemahiran dan mempraktikkan teori yang dipelajari di kelas selain dapat menimba pengalaman baharu (Experiential Learning) bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan.

"Dengan ini secara langsung penuntut dilatih untuk melaksanakan tugas secara intelektual dan bersedia mengatasi segala permasalahan yang dihadapi dengan kritis dan kreatif untuk memastikan program yang dilaksanakan berjalan dengan jayanya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Turut serta dalam program berkenaan Guru Besar SK Seri Sedohok, Sharifah Radziah Syed Hashim dan Pensyarah Khidmat Masyarakat UTHM, Dr S Tamil Selvan.

Nor Syuhada berkata, menerusi program yang diadakan ini ia juga membantu murid dari SK Seri Sedohok memupuk semangat jati diri.

"Malah, ia juga mewujudkan sifat keberjanjian murid tersebut untuk berkomunikasi dengan masyarakat luar," katanya.

Sementara itu, Sharifah Radziah berkata, program yang dianjurkan oleh mahasiswa UTHM ini dilihat dapat memberi kesan yang positif kepada anak-anak Orang Asli di sekolah berkenaan.

"Menerusi aktiviti-aktiviti yang diadakan seperti ice breaking, malam kebuddyaan, explore race dan pelbagai lagi secara langsung dapat memberi pengalaman kepada murid Orang Asli ini," katanya.



Mahasiswa mengadakan aktiviti baby shark bersama murid Orang Asli.



Murid Orang Asli melakukan aktiviti senamrobik.